

**NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**  
**(Untuk Pekerja & Bakal Pekerja)**

**A. Pengenalan**

**LTKM Berhad** dan subsidiary-subsiary milik penuhnya yang dikenali sebagai **LTK (Melaka) Sdn. Bhd.**, **LTK Bio-Fer Sdn. Bhd.**, **LTK Omega Plus Sdn Bhd.**, **LTK Development Sdn. Bhd.**, **Firstville Development Sdn. Bhd.**, **Jarom Firstville Sdn. Bhd.**, **LTK Properties Sdn. Bhd.** and **Lumi Jaya Sdn. Bhd.** (secara kolektifnya dirujuk sebagai "**Syarikat tersebut**" atau "**kami**"), adalah berkomited terhadap perlindungan Data Peribadi. Notis Perlindungan Data Peribadi ini (dirujuk sebagai "**Notis**") menerangkan tentang pengumpulan, pemprosesan dan pendedahan Data Peribadi anda menurut Akta Perlindungan Peribadi 2010 (dirujuk sebagai "**Akta**").

Dengan memberikan Data Peribadi kepada kami, anda dianggap telah membaca dan membenarkan kami menggunakan, mengumpul dan memproses Data Peribadi anda dalam cara yang diperihalkan dalam Notis ini.

Sila ambil perhatian bahawa Syarikat tersebut berhak untuk menukar, meminda dan/atau mengubah Notis ini pada bila-bila masa. Anda dinasihati untuk memeriksa Notis ini daripada laman sesawang kami dari semasa ke semasa untuk pindaan atau kemaskini.

**B. Pengumpulan Data Peribadi**

1. Syarikat tersebut akan mengumpul Data Peribadi anda sepanjang perkhidmatan anda dengan Syarikat tersebut termasuk, tetapi tidak terhad kepada:-
  - i. Butir-butir peribadi anda, termasuk butir-butir berkaitan dengan orang lain yang mungkin dikenalpasti daripada data peribadi anda;
  - ii. Sebarang data peribadi sensitif yang mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada keadaan kesihatan dan ubat-ubatan yang diambil oleh anda (yang berkenaan);
  - iii. Butir-butir berhubung dengan pekerjaan yang mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada latar belakang perkerjaan, butir-butir cukai pendapatan dan nombor KWSP;
  - iv. Butir-butir mana-mana orang yang boleh dikenal pasti daripada data peribadi anda; dan/atau
  - v. Lain-lai maklumat, termasuk informasi yang dirakam oleh system keselamatan.

(secara kolektifnya dirujuk sebagai "**Data Peribadi**")

2. Jika anda telah memberikan data peribadi individu yang lain (dirujuk sebagai "**Pihak Ketiga**"), anda perlu memastikan bahawa anda telah memaklumkan kepada pihak ketiga bahawa anda menyediakan data peribadi pihak ketiga kepada Syarikat tersebut dan telah mendapatkan kebenaran pihak ketiga
3. Sila ambil perhatian bahawa adalah kewajipan kamu untuk memberikan Syarikat tersebut Data Peribadi yang disebutkan di atas untuk membolehkan Syarikat tersebut memenuhi tujuan-tujuan sepertimana yang diperuntukkan dalam Perenggan 4.

#### **C. Tujuan-tujuan**

4. Data Peribadi yang dikumpulkan oleh Syarikat tersebut boleh digunakan untuk, tetapi tidak terhad kepada Tujuan-tujuan seperti berikut:-
  - i. Simpanan rekod dalaman sepanjang perkhidmatan anda;
  - ii. Pentadbiran senarai gaji, termasuk sumbangan KWSP dan PERKESO daripada kami;
  - iii. Berkomunikasi dengan anda;
  - iv. Tujuan percukaian dan/atau audit;
  - v. Untuk menjalankan apa-apa fungsi yang diberikan kepada sesiapa sahaja melalui undang-undang dan/atau untuk pentadbiran keadilan; dan/atau
  - vi. Untuk apa-apa tujuan yang bersampingan dengan; sampingan kepada atau lanjutan kepada tujuan-tujuan yang disebutkan di atas.

(secara kolektifnya dirujuk sebagai "**Tujuan-tujuan**")

#### **D. Pendedahan kepada Pihak-pihak Ketiga**

4. Jika dan bila perlu, Data Peribadi kamu boleh didedahkan kepada pihak-pihak ketiga seperti berikut:
  - i. Penasihat- dan juruaudit luar profesional;
  - ii. Jabatan- serta pihakberkuasa Kerajaan;
  - iii. Agenatau syarikat- insurans;
  - iv. Penyedia senarai gaji;
  - v. Firma- guaman atau khidmat nasihat korporat atau khidmat ketekunan wajar yang berhubungan dengan latihan-latihan ketekunan wajar yang akan dijalankan ke atas Syarikat tersebut atau mana-mana entiti gabungannya; dan/atau
  - vi. Mana-mana rakan kongsi perniagaan, pelabur, pemegang serah hak atau penerima pindahan ( sama ada yang sebenar atau bakal ) bagi memudahkan Urus Niaga Aset Perniagaan\* ( yang boleh merangkumi apa-apa penggabungan , perbuatan memperoleh atau apa-apa hutang atau jualan aset) yang melibatkan Syarikat tersebut.

"Urus Niaga Aset Perniagaan" boleh merangkumi mana-mana pembelian, penjualan, pajakan, penggabungan atau penyatuan atau apa-apa perbuatan perolehan yang lain, pelupusan atau pembiayaan sesebuah organisasi atau sebahagian daripada organisasi atau mana-mana perniagaan atau aset organisasi.

**E. Akses dan Pembedulan**

6. Data Peribadi tersebut mesti tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan sentiasa dikemaskini. Sekiranya anda dimaklumkan tentang apa-apa Data Peribadi yang tidak tepat, tidak lengkap atau mengelirukan atau jika Data Peribadi yang diberikan kepada Syarikat tersebut sebelum ini telah menjadi tidak betul atau bukan yang terkini, sila maklumkan Syarikat tersebut di butir-butir seperti yang diperuntukkan dalam perenggan 11.
7. Anda berhak untuk meminta akses dan membetulkan Data Peribadi anda. Permintaan tersebut tertakhluk kepada keperluan-keperluan dalam Akta tersebut.

**H. Pengekalan Piawaian**

8. Apa-apa Data Peribadi tidak boleh disimpan lebih lama daripada yang diperlukan untuk memenuhi Tujuan-tujuan yang disebutkan dalam Perenggan 4. Syarikat tersebut mengakujanji untuk memastikan bahawa semua Data Peribadi dimusnahkan atau dipadamkan secara kekal jika ianya tidak lagi diperlukan bagi Tujuan-tujuan yang baginya Data Peribadi itu diproses.

**I. Pertanyaan-pertanyaan**

9. Sekiranya anda memerlukan maklumat selanjutnya sila lihat Polisi Perlindungan Data Peribadi Syarikat tersebut di laman web kami; [www.ltkm.com.my](http://www.ltkm.com.my)



10. Untuk semua pertanyaan atau permintaan selanjutnya, sila hubungi:

Ms. Nora Abu Bakar  
HR Department,  
LTKM Berhad, 102, Batu 1 ½, Jalan Meru,  
41050, Klang, Selangor, Malaysia  
Tel: 0333422830  
Email: [nora.ab@ltk.com.my](mailto:nora.ab@ltk.com.my)